

## NASIONAL

Oleh ALI MAHMOOD

**B**ENARKAH guru-guru hari ini dibebani dengan pelbagai kursus dan tugas sampingan sehingga ia menyumbang kepada berlakunya gengsterisme di sekolah-sekolah? Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N. Siva Subramaniam ketika mendedahkan kepada media punca gengsterisme di sekolah-sekolah, termasuk sekolah berasrama penuh berkata, ia berlaku kerana faktor kesibukan guru-guru sendiri.

Menurutnya, guru dan pengetua tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengawasi dan mendisiplinkan para pelajar kerana dibebani dengan banyak lagi tugas sampingan yang perlu mereka laksanakan. Ini kerana mereka sering menghadiri perjumpaan dan pelbagai kursus di luar sekolah. Sekurang-kurangnya secara purata 15 peratus setiap hari guru tiada di sekolah kerana terlibat dengan urusan luar termasuk perjumpaan dan kursus.

Tambah beliau, keadaan menjadi lebih serius apabila guru besar atau pengetua, guru disiplin dan guru penolong kanan pentadbiran sekolah turut dikehendaki menghadiri kegiatan seumpama itu.

Mengulas perkara itu, bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Abdul Rahman Arshad berkata, faktor kesibukan guru yang terpaksa menghadiri kursus dan perjumpaan di luar sekolah bukanlah alasan yang kukuh untuk mendakwa meningkatkannya gengsterisme di sekolah.

Sebaliknya, kata beliau, masyarakat perlu memahami keadaan persekitaran bagaimana gengsterisme itu boleh berlaku di kalangan pelajar. Perlakuan negatif para pelajar termasuk di sekolah-sekolah berasrama penuh tidak akan berlaku menerusi satu sumber sahaja.

"Sebenarnya pada pendapat saya, sikap masyarakat sendiri yang menyumbang kepada berlakunya gengsterisme di sekolah. Kita mungkin hanya menyalahkan pelajar dan guru semata-mata, tetapi lebih jauh daripada itu sikap masyarakat sendiri yang mendorong pelajar bertindak agresif.

"Sebelum menuding jari lebih baik kita lihat keadaan di sekeliling kita seperti nilai-nilai kehidupan masyarakat umum, disiplin ibu bapa, sekolah dan juga guru-guru. Yang saya nampak hari ini masyarakat kini kurang berdisiplin. Jadi nilai-nilai ini yang turut melahirkan pelajar yang tidak berdisiplin," tegas Abdul Rahman.

Selain masalah disiplin itu, bapa itu sendiri, pengaruh luar seperti televisyen, Internet, filem dan komuniti turut mempengaruhi meningkatnya gejala gengsterisme di kalangan pelajar sekolah.

"Kita sering menuding jari mencari



Pelajar perlu didekati golongan dewasa bagi mengelak mereka terjebak dengan emosi negatif. - Gambar hiasan

## Punca Gengsterisme Di Sekolah

kesalahan orang lain apabila berlakunya isu ini. Ibu bapa menyalahkan guru-guru dan sistem pendidikan di sekolah, guru-guru pula menyalahkan ibu bapa dan pengaruh masyarakat persekitaran, itu semua tidak akan membawa satu penyelesaian yang konkrit.

"Sepatutnya sebelum kita mencari kesalahan antara satu sama lain, saya mengesyorkan supaya semua pihak, institusi pendidikan, ibu bapa dan guru-guru perlu secara serius mencari penawar bagi mengubati penyakit yang dicituskan oleh nilai-nilai masyarakat itu sendiri," tambah beliau.

Bagi Exco Pendidikan, Pergerakan Pemuda UMNO, Dr. Adham Baba, peningkatan gengsterisme mungkin mempunyai kaitan dengan emosi para pelajar sendiri. Ada pelajar yang mempunyai emosi dan ego yang tinggi dan sesetengah pula terlalu merendah diri. Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memantau semula disiplin dan tahap emosi pelajar-pelajar sekolah.

"Kementerian perlu melihat keupayaan bagi mengenal pasti emosi pelajar-pelajar terutamanya yang tinggal di asrama. Ketika umur sedang meningkat re-

maja para pelajar mudah dipengaruhi emosi terutamanya yang bersifat negatif," jelas beliau.

Tambahnya, kursus adalah penting bagi guru-guru kerana ia mampu meningkatkan kualiti pembelajaran. Guru-guru perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan mereka terhadap ilmu dan informasi supaya mereka sentiasa menjadi guru yang relevan dan memenuhi keperluan semasa.

Di samping itu, guru-guru juga perlu bijak mengurus dan mengendalikan masa. Persekitaran tempat pembelajaran yang kondusif mendorong menjalinkan hubungan yang harmoni di antara mereka dan para pelajar.

Pada masa yang sama masyarakat perlu memainkan peranan dengan membantu pihak sekolah menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG). Ini kerana penglibatan aktif ibu bapa dalam PIBG dapat membantu mereka mengenali dengan lebih rapat masalah sekolah, guru-guru dan para pelajar.

PIBG hari ini tidak melambangkan fungsi sebenar penubuhannya. Ibu bapa mungkin hanya setahun sekali menghadiri mesyuarat agung PIBG. Pertemuan setahun sekali itu tidak mampu mem-




**Abdul Rahman Arshad**



**Dr. Adham Baba**



**Dr. Ibrahim Bajunid**



**N. Siva Subramaniam**

mereka tidak memantau sifat dan tingkah laku anak-anak sendiri.

Beliau berkata, biarpun pihak sekolah menyediakan guru pengganti apabila seseorang guru lain menyertai perjumpaan di luar sekolah, namun ia tetap bukan keputusan terbaik.

Beliau bersetuju dengan pendapat yang diutarakan oleh Siva yang mencadangkan supaya kementerian terbabit mengadakan forum kebangsaan disertai oleh pentadbir sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi mengenal pasti formula penyelesaian terbabit menangani gejala samseng di kalangan pelajar.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pendidikan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Ibrahim Bajunid berpendapat kurangnya ko-

dalam proses membesar dan mengenali isu-isu yang berhubung dengan bahasa, hak asasi manusia, pengaruh dan pene-gakan prinsip. Proses itulah yang memungkin mereka terjebak dengan masalah gengsterisme jika mereka tidak dibimbing dengan betul.

"Mereka ini belum dapat mengawal emosi dan mampu untuk berkomunikasi secara berkesan. Salah satu cara fizikal untuk mengawal emosi ialah dengan memasuki kumpulan gengster," ujar Dr. Ibrahim.


Di sini menurut Dr. Ibrahim, masyarakat atau golongan dewasa perlu mendekati golongan remaja dan pelajar bagi membimbing mereka ke jalan yang betul. Menerusi pendekatan itu masyarakat akan lebih memahami situasi sebenar permasalahan pelajar-pelajar sekolah.

Tambah beliau gengsterisme sebenarnya bukan hanya berlaku di sekolah berasrama sahaja tetapi turut berlaku di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Bagaimanapun gejala itu tidak begitu ketara kerana pelajar-pelajar ini tidak terikat dengan disiplin sekolah 24 jam.

Pelajar-pelajar sekolah menengah biasa menjalankan aktiviti gengsterisme di luar waktu sekolah dan tidak lagi melibatkan pihak sekolah. Sedangkan di sekolah berasrama, para pelajar seolah-olah berada di penjara dan sudah tentu aktiviti gengsterisme lebih menonjol kerana setiap kejadian yang berlaku pasti melibatkan guru-guru dan sekolah itu sendiri.

Masalah disiplin pelajar dan gengsterisme pelajar turut mendapat perhatian Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Beliau mengingatkan semua pengetua bahawa menjadi satu kesalahan sekiranya mereka menyembunyikan kegiatan samseng dengan alasan untuk menjaga nama baik sekolah.

Menurut Abdullah, pengetua perlu membuat laporan polis jika gejala itu dikesan berlaku di sekolah mereka. Gejala samseng tidak harus dibenarkan wujud di institusi-institusi pendidikan. Tindakan tegas dan cepat oleh pengetua terhadap golongan samseng ini juga boleh menaikkan imej sekolah kerana tindakan seperti itu boleh menghalang gejala samseng berleluasa dan berpanjangan. □



**Gengsterisme di kalangan pelajar dipengaruhi oleh disiplin orang dewasa. - Gambar hiasan**

berikan gambaran sebenar situasi yang berlaku di sekolah, termasuk persoalan disiplin pelajar. Kekerapan pertemuan ibu bapa dengan pihak sekolah membuka ruang yang lebih baik kepada kedua-dua pihak mendekati masalah di sekolah dan di rumah.

Menurut Dr. Adham, ibu-bapa terlalu bergantung kepada guru-guru untuk mendidik dan membentuk moral anak-anak mereka. Tetapi pada masa yang sama

munikasi antara golongan pelajar dengan orang dewasa adalah antara penyumbang berlakunya gejala gengsterisme.

Menurut beliau gengsterisme di kalangan para pelajar perlu dilihat daripada faktor institusi sekolah itu sendiri. Sebenarnya gengsterisme yang berlaku di kalangan pelajar sekolah adalah lumrah dan berlaku di luar kawasan sekolah di kalangan golongan dewasa.

"Sebenarnya para pelajar sedang